

FAKTOR-FAKTOR PENAGIHAN SEMULA DALAM KALANGAN BELIA

NURHAZLINA MOHD ARIFFIN, NORRUZEYATI CHE MOHD
NASIR & MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN

ABSTRAK

Fenomena penagihan semula dadah dalam kalangan belia bukan merupakan satu isu yang baru di negara kita, Malaysia. Ianya terbukti apabila statistik penagihan dadah di Malaysia yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) sehingga 2018 menunjukkan peratusan penagih dadah terutamanya penagih berulang adalah paling ramai terdiri daripada golongan belia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor berlakunya penagihan semula dadah. Kajian ini juga cuba menentukan faktor utama penyebab kepada penagihan semula dan seterusnya membantu mencadangkan saranan kepada pihak pusat pemulihan di dalam membentuk pelan tindakan sosial yang bersesuaian dan berkesan ke arah menurunkan kadar residivisme pengguna dadah ke pusat pemulihan. Kajian yang dijalankan di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang (PSBM) telah melibatkan seramai lapan (8) orang responden yang telah dipilih secara sukarela serta memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Data dikumpulkan menerusi temubual mendalam secara separa berstruktur, perbincangan kumpulan fokus dan penggunaan maklumat sekunder daripada laporan tahunan, laporan sosial responden, statistik dari pusat pemulihan dan lain-lain sumber berkaitan. Data telah dianalisa menggunakan analisa kandungan iaitu penemuan mengikut tema-tema tertentu. Hasil kajian mendapati penagihan semula berlaku disebabkan oleh aspek psikososial iaitu faktor dalaman seperti tahap self-efficacy yang rendah, perubahan emosi negatif dan pembentukan persepsi yang salah tentang penggunaan dadah yang dianggap sebagai satu-satunya jalan terbaik untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi. Di samping itu, pengaruh faktor luaran seperti sistem kekeluargaan, pengaruh rakan-rakan, ketiadaan sokongan masyarakat, kesukaran mendapatkan pekerjaan akibat stigma sebagai bekas penagih dadah dan ketidakberkesanan pusat pemulihan yang terdahulu turut menyumbang kepada berlakunya residivisme pengguna dadah ke pusat pemulihan. Pengaruh rakan-rakan telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyebabkan berlakunya isu pengulangan ini.

Kata Kunci : *dadah, penagihan, penagihan semula, self efficacy, rakan sebaya*

ABSTRACT

Relapse phenomenon among drug users is not a new issue in Malaysia. Current evidence from the drugs addiction statistics recorded by the National Anti Drugs Agency (AADK, 2018), states that relapse among drug users has shown an increase in numbers as compared with new cases. Drug relapse refers to the number of times (at least once) a drug user re-enters rehabilitation centres in getting treatment.

The main purpose of this study is, therefore to recognise factors on recidivism into rehabilitation centres among drug users. These factors were important in order to provide suggestions to AADK and other rehabilitation centres to further improve and develop appropriate social actions in helping to reduce relapse among drug users in the future. The study conducted at Pusat Serenti Bukit Mertajam (PSBM), Pulau Pinang used qualitative methods. Eight (8) respondents were selected among the inmates based on certain criteria as determined by the researcher. Information was gathered through in-depth and structured interviews, focus group discussions, and secondary information from various reliable documentations. Data were then analyzed using content analysis that leads to specific themes which have been recognised by the researcher. Results show that recidivism occurred due to psychosocial aspects such as low self-efficacy, emotional changes, wrong perceptions on the effect of drugs, peer influences, family system, lack of support and stigmatisation from society, as well as ineffective treatments from previous rehabilitation centres. Peer influence was the main factor that caused drug users to be involved in recidivism.

Keywords : Drug, Drug Abuse, relapse, Self-efficacy, peer

PENGENALAN

Masalah penagihan dadah dalam kalangan belia bukanlah satu fenomena yang baru di negara kita, Malaysia. Senario penagihan dadah ini seolah-olah berkembang selari dengan arus kemodenan dan pembangunan negara kita yang menuju ke arah dunia globalisasi tanpa sempadan. Menurut Maznah, Choo dan Hoo (1992) dan Mohamad Johdi Salleh (2012), masalah penagihan dadah di Malaysia sudah wujud sejak abad ke-19 lagi. Rentetan daripada itu, Dasar Dadah Negara telah digubal dan diluluskan pada 11 Jun 1996 bertujuan untuk mengurangkan permintaan dan bekalan dadah serta melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada dadah. Bagi melaksanakan misi dasar, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang kini dikenali sebagai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk bertanggungjawab kepada semua aspek tindakan anti dadah negara melalui pelaksanaan program berbentuk pencegahan, rawatan dan pemulihan, menilai keberkesanan program dan mewujudkan kerjasama serantau serta antarabangsa.

Statistik yang dikeluarkan oleh pihak AADK juga menggambarkan tentang kedudukan isu penagihan dadah masih berada pada tahap yang tidak melegakan hati semua pihak walaupun dari segi angkanya kelihatan menurun. Jika diteliti Laporan Tahunan Dadah 2018 penagih dadah yang dikesan di negara kita setakat tahun ini masih berada dalam jumlah yang sangat membimbangkan iaitu hampir 25 ribu orang. Manakala sejumlah 44% daripada kes baru yang dikesan menunjukkan kes penagihan semula (7,793 orang).

Walaubagaimanapun, apa yang paling membimbangkan semua pihak adalah trend penagihan semula. Statistik telah menunjukkan bilangan penagih semula yang dikesan masih berada pada tahap yang perlu diberikan perhatian pada setiap tahun. Berdasarkan lima (5) tahun kebelakangan ini (2014-2018), isu penagihan semula masih banyak berlaku yang mana hampir sebahagian jumlah penagihan baru yang berjaya dikenalpasti oleh AADK. Lambakan penagih semula seolah-olah menunjukkan misi dan visi yang telah ditetapkan oleh pihak AADK bagi menjadi negara bebas Dadah adalah mustahil untuk dicapai dalam masa terdekat. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor utama yang menyebabkan golongan belia kembali menyalahgunakan dadah dalam menjalani kehidupan mereka.

Konsep Penagihan Dadah

Penagihan dadah menurut Bourne (1974), bermaksud satu bentuk pergantungan individu terhadap sesuatu jenis dadah bagi menjalani kehidupan seharian. Terdapat dua (2) bentuk penagihan iaitu penagihan akibat daripada pergantungan psikologi di mana individu atau penagih telah membentuk persepsi bahawa dadah diperlukan untuk menyelesaikan semua masalah dan tanpa dadah, penagih tidak boleh menjalankan kehidupan seharian. Manakala bentuk penagihan kedua adalah berbentuk pergantungan secara fizikal yang mana penagih memerlukan dadah bagi mengelakkan diri daripada sindrom penarikan atau putus dadah (withdrawal) seperti badan menggigil dan panas.

Konsep Penagihan Semula

Penagihan semula didefinisi berasaskan pendapat Field (1995), iaitu satu bentuk tingkah laku menggunakan semula dadah secara berterusan selepas tamat program rawatan dan pemulihan atau selepas berhenti seketika daripada menggunakan dadah. Dalam erti kata yang mudah, penagihan semula merupakan satu keadaan di mana individu mengambil semula dadah setelah melalui tempoh rehat. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada penagihan semula dadah oleh bekas penagih yang sudah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan menurut beliau ialah (i) Things (jarum suntikan, picagari, alat-alat suntikan; (ii) Times (selalu ambil dadah pada waktu lewat malam); (iii) People (rakan-rakan yang menagih, kekasih, hubungan kekeluargaan); (iv) Place (pot (sarang penagihan), kelab-kelab malam) dan (v) Emotion (marah, kecewa, tertekan, bosan, keseronokan).

ULASAN KARYA

Faktor-faktor penagihan semula

Terdapat dua (2) faktor utama yang menyumbang kepada isu penagihan semula iaitu konsep sendiri individu (faktor dalaman) dan sosial (faktor luaran). Payne (1991) menjelaskan individu bertingkah laku hasil daripada

proses kognitif yang berlaku yang mana akan membentuk satu persepsi tentang apa yang dilihat, didengar, dirasa dan disentuh. Jennifer (1990) pula melihat tingkah laku manusia yang terbentuk hasil daripada persepsi yang dibina di dalam dirinya dan juga persepsi daripada orang lain. Antara konsep sendiri lain yang boleh dilihat adalah seperti harga diri, kebimbangan dan emosi individu yang dipercayai menjadi salah punca seseorang bekas pengguna dadah kembali ke alam penagihan dadah, dan seterusnya masuk semula ke Pusat Serenti.

Sun (2007) di dalam kajiannya tentang penagihan semula dalam kalangan pengguna dadah wanita dari sebuah agensi program rawatan pemulihan turut menjelaskan, perkaitan pembentukan persepsi yang salah dengan fenomena pengulangan. Hasil kajian mendapati, seramai 26 orang wanita telah kembali mengguna dadah disebabkan oleh kepercayaan palsu bahawa alkohol dan dadah adalah satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah atau untuk melahirkan situasi yang menggembirakan. Manakala lapan orang daripada mereka melaporkan telah mengambil kema;I dadah kerana percaya bahawa “cuba sekali tidak mengapa”, dan percaya bahawa pengambilan alkohol sahaja yang boleh mengakibatkan ketagihan bukan dadah.

Selain itu, keadaan emosi yang tidak stabil di dalam diri bekas pengguna dadah boleh menyebabkan individu mengalami tekanan dan kemurungan di dalam hidup. Berdasarkan teori Anomie di dalam Scozelli (1987), individu bertingkah laku devian disebabkan oleh perasaan kecewa dan tertekan dengan kehidupan atau keadaan persekitaran yang tidak dapat memenuhi keperluan asas dan kehendak dirinya seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan pekerjaan. Sun (2007) turut membuktikan bahawa ketidakstabilan emosi seperti rasa bosan, rasa sedih, marah dan kecewa akibat kehilangan hak penjagaan anak serta hilang ahli keluarga dan teman rapat yang menjauhkan diri menjadi penyebab mereka mengambil dadah kembali.

Begitu juga dengan Fernandez-Hermida, Secades-Villa, dan Marina-Gonzalez (2002) yang turut melaporkan bahawa 47.3% daripada 249 orang sampel kajian yang dikaji semula setelah tamat mengikuti program rawatan dadah di bawah Projek Kemanusiaan di Asturias, Sepanyol jatuh kembali ke dalam alam penagihan dadah akibat daripada berhadapan dengan emosi negatif seperti tertekan dan marah kerana tiada pekerjaan dan kurang sokongan keluarga dan 20% menyatakan akibat daripada konflik interpersonal. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Hammer-bacher dan Lyvers (2006) yang melaporkan bahawa 61.5% daripada 104 orang responden yang pernah menyertai rawatan alkohol dan dadah di beberapa pusat pemulihan yang terdapat di Queensland di antara November 2002 dan Mac 2003 mengambil semula dadah selepas sebulan

tamat rawatan kerana mengalami perasaan negatif seperti kemurungan, “anxiety” dan tertekan dengan kehidupan seharian.

Fields (1995) pula menjelaskan, pengaruh sosial seperti keadaan masyarakat di dalam masalah penagihan dadah melalui pendekatan Model Sosiobudaya. Berdasarkan pendekatan ini, elemen masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi dan kejiwaan di sesebuah tempat memang boleh mempengaruhi individu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah dan alkohol. Misalnya, mereka yang tinggal di kejiwaan yang terlibat dengan masalah penagihan secara tidak langsung akan mempengaruhi individu untuk mempelajari tingkah laku tersebut kelak. Luck, Elifson, dan Sterk (2004) pula mendapati, bekas pengguna dadah terlibat semula dengan masalah dadah disebabkan tiada ruang disediakan pada peringkat makro seperti tidak diberi peluang kerja, tiada pusat penjagaan anak percuma bagi ibu tunggal yang perlu keluar bekerja, sikap masyarakat yang pentingkan perkauman dan juga kurang kemahiran vokasional.

Fenomena penagihan berulang juga boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan. Tahap pendidikan memainkan peranan yang penting di dalam menentukan samada seseorang individu yang telah tamat program pemulihan dadah di mana-mana pusat pemulihan untuk mengambil semula dadah atau tidak. Ini adalah kerana tahap pendidikan secara tidak langsung akan meningkatkan kematangan di dalam proses membuat sesebuah keputusan secara lebih rasional kerana telah didedahkan dengan ilmu dan maklumat yang lebih banyak berbanding yang tiada atau kurang pendidikan (Sun, 2007; Fernandez-Hermida *et al.*, 2002; & AADK 2018).

Pembentukan *self-efficacy* di dalam diri seseorang juga dapat menentukan tahap kawalan dalaman diri individu samada untuk menahan diri daripada mengambil dadah kembali ataupun tidak. Menurut Loranzo, Sephens, dan Roffman (2006), *Self-efficacy* merupakan tahap keyakinan dan kepercayaan di dalam diri seseorang yang boleh mendorong individu tersebut bergerak ke arah matlamat yang ingin dicapai. Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura di dalam Philipchalk (1995) ada membincangkan dengan lebih mendalam tentang konsep *self-efficacy* ini. Teori ini melihat kepada tindakan yang dibuat oleh seseorang individu sebenarnya saling berkaitan di antara konsep sendiri dan persekitaran sosialnya. Individu akan memilih apa yang menarik baginya daripada persekitaran sosial melalui pemerhatian mahupun apa yang telah dialaminya dan kemudian akan bertanggungjawab untuk membentuk tindakan. Kejayaan atau kegagalan sesuatu tindakan yang dibuat itu sebenarnya bergantung kepada kepercayaan terhadap keberkesanan pemilihan yang dibuat serta kemampuan di dalam diri sendiri dan inilah yang dipanggil *self-efficacy*. Begitu juga dengan penagih dadah yang mana kejayaan untuk berhenti daripada menagih dadah setelah tamat program rawatan dan pemulihan

di pusat pemulihan amat bergantung kepada sejauh mana mereka yakin dan percaya kepada kemampuan diri sendiri hasil daripada pemilihan dan persepsi yang terbentuk daripada persekitaran sosialnya.

Di samping faktor dalaman atau konsep sendiri individu, sistem sosial yang berada di sekeliling individu atau bekas pengguna dadah juga merupakan faktor luaran yang mampu mempengaruhi tingkah laku pengulangan. Antaranya ialah sistem kekeluargaan, sokongan masyarakat, pengaruh rakan-rakan dan pekerjaan. Menurut (Gideon, 2007), sokongan keluarga dan pasangan memainkan peranan penting di dalam membantu bekas pengguna dadah di dalam proses kepulihan untuk membina kembali kehidupan yang lebih baik tanpa dadah. Selnow (1987) pula mendapati, pengambilan dadah oleh anak-anak remaja dan belia mempunyai perkaitan dengan keadaan struktur di dalam sesebuah keluarga. Persekitaran keluarga yang tidak sihat seperti mempunyai pelbagai masalah seperti penceraian, poligami dan penderaan kanak-kanak sememangnya berkait rapat dengan isu penagihan dan penagihan semula. Hal ini berlaku akibat daripada perasaan tertekan yang akhirnya individu cenderung memilih jalan mudah dengan mengambil semula dadah (Mahmood *et al.*, 1999 & Habil dan Ali Mohd, 2003).

Elemen masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi dan kejiwaan di sesebuah tempat memang boleh mempengaruhi individu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah dan alkohol. Misalnya, mereka yang tinggal di kejiwaan yang terlibat dengan masalah penagihan secara tidak langsung akan mempengaruhi individu untuk mempelajari tingkah laku tersebut kelak. Selain itu, individu terjebak dengan penagihan dadah adalah kerana rasa terasing daripada kelompok masyarakat yang besar yang dipercayai tidak berkongsi nilai dan kefahaman yang sama tentang dadah. Justeru, pengguna dadah rasa tidak dipunyai oleh masyarakat tersebut dan seterusnya berterusan bercampur di dalam kelompok penagih yang lebih menerima dan memahami jiwa mereka sehingga menyebabkan mereka kembali menagih dadah (Fields, 1995; Luck, Elifson, & Sterk, 2004; & Chen, 2006).

Selain itu, rakan terdekat memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi individu untuk mengambil semula dadah. Rakan merupakan sistem mezzo yang paling hampir dengan bekas pengguna dadah selepas keluarga. Hal ini kerana bekas pengguna dadah ingin diterima di dalam kelompok rakan, meraih simpati dan rasa dipunyai oleh kelompok rakan tersebut (Ranisiesiki & Sigelman (1992); Cheung, Lee, & Lee, 2003; & Hammer-bacher & Lyvers, 2006).

Akhir sekali, pekerjaan merupakan salah satu daripada faktor luaran yang penting dalam pembentukan tingkah laku pengulangan dalam

kalangan pengguna dadah. Nabil dan Ali Mohd (2003) menjelaskan, kedudukan status ekonomi yang tidak menjamin akan mempengaruhi individu terlibat dengan tingkah laku penagihan dan penagihan semula dadah. Kebanyakan bekas pengguna dadah yang menganggur lebih berpotensi untuk mengambil kembali dadah akibat daripada tekanan kewangan yang dihadapi. Selain itu, jenis pekerjaan dan persekitaran tempat kerja juga banyak mempengaruhi pengambilan dadah dalam kehidupan seharian. Pekerjaan yang memerlukan jumlah jam bekerja terlalu panjang dalam seminggu seperti pengajar, pentadbir, bahagian pertanian dan kerani, dan persekitaran tempat kerja yang tidak menyokong serta banyak konflik akan mendorong kakitangan untuk mengambil alkohol dan dadah. Berbanding dengan jenis pekerjaan yang kurang tekanan dan mendapat sokongan yang baik daripada ketua serta rakan sekerja (Watts, Cox, Wright, Garrison, Herkimer, & Howze, 1991). Justeru menjadi minat pengkaji untuk mengenalpasti faktor-faktor penagih semula dalam kalangan belia di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif (Neuman, 2011). Kajian ini dijalankan di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Responden bagi kajian ini pula terdiri daripada lapan (8) orang golongan belia yang terdiri daripada penghuni di Pusat Serenti Bukit Mertajam. Responden bagi kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan kerana perlu memenuhi beberapa kriteria tertentu seperti merupakan penghuni di Pusat Serenti, lelaki, berumur di antara 18-40 tahun, perlu sekurang-kurangnya mempunyai kekerapan masuk ke pusat sebanyak sekali dan ke atas serta berkemampuan untuk menulis dan membaca.

Bagi mengumpul data kajian, pengkaji menggunakan kaedah temubual mendalam (*in-depth interview*) sebagai instrumen kajian. Temubual ini dijalankan secara individu dan bersemuka di antara pengkaji dan responden kajian menggunakan tema-tema yang telah ditentukan oleh pengkaji. Selain itu, temubual ini juga lebih banyak menggunakan soalan terbuka kerana ia dapat menggalakkan serta memberikan kebebasan kepada responden untuk melontarkan segala pandangan, luahan dan perasaan dengan lebih mendalam. Tema-tema ini penting sebagai garis panduan kepada pengkaji ketika menjalankan sesi temubual agar proses pengumpulan data menjadi lancar, tidak tersasar dan lebih memfokuskan kepada pembolehubah yang ingin dikaji oleh pengkaji di dalam kajian ini. Berikut merupakan fokus yang digunakan di sepanjang proses temubual dijalankan :

(a) Maklumat demografi responden (nama, umur, status, bangsa, agama,

- taraf pendidikan, negeri asal, jenis tempat tinggal, pekerjaan terakhir).
- (b) Maklumat keluarga
 - (c) Sejarah awal penglibatan di dalam penyalahgunaan bahan atau dadah (jenis dan punca).
 - (d) Sejarah kemasukan ke pusat pemulihan dadah (nama pusat serenti dan tahun).
 - (e) Sejarah penagihan berulang (faktor-faktor)

DAPATAN KAJIAN

Kesemua data yang dikumpul diproses menggunakan analisa kandungan (*content analysis*) secara manual. Data dianalisa mengikut tema-tema yang telah ditetapkan atau tema-tema yang kelihatan muncul. Menurut Dorsten dan Hotchkiss (2005), analisis kandungan merupakan satu kaedah yang akan mengekod hasil temubual, proses komunikasi atau segala maklumat sekunder yang diperolehi daripada buku, majalah, jurnal, surat khabar, diari dan media cetak, audio atau rakaman audiovisual kepada pembolehubah-pembolehubah tertentu. Kaedah ini juga diperlukan untuk kajian yang agak tidak formal dan tiada jurang di antara responden dengan pengkaji (lebih rapat).

Secara umumnya, pengkaji mendapati terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca berlakunya penagihan semula di kalangan responden sebagai pengguna dadah ke pusat pemulihan. Faktor paling banyak dilaporkan oleh responden ialah pengaruh rakan-rakan lama. Diikuti dengan perubahan emosi seperti perasaan rindu, runsing, dan tertekan turut menjadi penyebab mereka kembali menggunakan dadah. Selain itu, keberkesanan program di dalam pusat pemulihan, faktor kekeluargaan, self-efficacy, pembentukan persepsi yang salah, dan tiadanya sokongan masyarakat yang menjadi punca mereka mengguna kembali dadah dan akhirnya dimasukkan semula ke pusat pemulihan. Walaubagaimanapun, hanya seorang sahaja responden berkongsi tentang ketiadaan pekerjaan menyebabkan beliau kembali mengguna dadah kerana tertekan dengan desakan hidup.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa di antara beberapa faktor yang telah dikenalpasti sebagai punca kepada berlakunya isu penagihan semula pengguna dadah ke Pusat Serenti adalah pengaruh rakan-rakan lama. Pengaruh rakan merupakan faktor paling banyak dibincangkan oleh responden yang pernah terlibat dengan masalah penagihan dadah. Kebanyakan responden saling berkongsi pengalaman tentang punca mereka kembali relapse setelah melalui proses kepulihan ialah berjumpa dengan rakan-rakan lama walaupun pada asalnya hanya untuk besembang-

seimbang. Ini adalah kerana apabila berjumpa dengan rakan-rakan lama secara tidak langsung perasaan rindu dan memori lama akan datang kembali yang mana secara tiba-tiba akan mendatangkan perasaan resah dan gelisah lalu mengambil keputusan untuk kembali mengguna dadah. Terdapat juga responden yang mengatakan bukan hanya faktor-faktor persekitaran seperti rakan-rakan, tetapi masalah keluarga, tiada sokongan keluarga, stigma oleh jiran-jiran dan kesukaran memperolehi pekerjaan turut menjadi punca berlakunya residivisme. Namun ianya bergantung juga kepada ketahanan di dalam diri individu. Jika diri kuat dan yakin, individu sudah tentu mampu untuk berdepan dengan apa sahaja dugaan yang mendatang seperti ajakan kawan-kawan lama. Dapatan ini turut disokong oleh beberapa kajian terdahulu oleh Ranisesiki & Sigelman (1992); Cheung, Lee, & Lee (2003); dan Hammer-bacher & Lyvers (2006).

Penemuan ini secara tidak langsung membantu memberikan gambaran kepada semua pihak terutamanya pihak AADK agar lebih menumpukan faktor-faktor yang telah dikenalpasti dalam merangka lebih banyak program pencegahan penagihan semula atau relapse. Selain itu, penglibatan keluarga dan masyarakat juga penting dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial bekas pengguna dadah dengan mengintegrasikan mereka kepada masyarakat setempat. Kesimpulannya, pembangunan psikososial yang menyeluruh dalam diri belia yang terlibat dengan dadah merupakan tunjang kepada pembentukan tingkah laku yang lebih sihat. Misalnya melalui pembentukan bengkel pengurusan emosi, rohani, masa dan kerja yang berkesan boleh dilaksanakan secara berkala terutamanya kepada bekas pengguna dadah yang tegar. Pendedahan ini penting dalam membentuk dan meningkatkan daya tahan diri (self-efficacy) yang lebih baik agar mereka mampu untuk hidup bebas daripada dadah.

RUJUKAN

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2018). *Laporan Tahunan 20018*. Capaian dari <http://www.aadk.gov.my>
- Bourne, P.G. (1974). *Addiction*. London : Academic Press.
- Chen, G. (2006). Social support, spiritual program and addiction recovery. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 50(3).
- Cheung, C.K., Lee, T. Y., dan Lee, C. M. (2003). *Factors in successful relapse prevention among Hong Kong drug addicts*. Treating Substance Abusers in Correctional Contexts : New Understanding, New Modalities. Capaian dari <http://www.HaworthPress.com>

- Dorsten, L. E., dan Hotchkiss, L. (2005). *Research Methods and Society : Foundation of Social Inquiry*. New Jersey : Pearson Prentice Hall.
- Fernandez-Hermida, J. R., Secades-Villa, R., Fernandez-Ludena, J.J., dan Marina-Gonzalez, P. A. (2002). *Effectiveness of a therapeutic community treatment in Spain : A long-term follow up study*. *European Addiction Research*, 8, 22-29.
- Fields, R. (1995). *Drugs in Perspective*. USA : Brown & Benchmark.
- Gideon, L. (2007). Family role in the reintegration proses of recovering drug addicts. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 51(2).
- Habil, H. dan Ali Mohd, M. (2003). *Penyalahgunaan Dadah : Hidup tak beerti maut menanti*. K.L : Dewan Bahasa & Pustaka
- Hammer-bacher, M. dan Lyvers, M. (2006). Factors associated with relapse among clients in Australian substance disorder treatment facilities. *Journal of Substance Use*, 11 (6), 387-394.
- Jenifer, D. C. (1990). Self-esteem and clarity of the self concept. *Journal of Personality and Social Psychology*, 59 (3), 538-549.
- Lozano, B. E., Stephens, R. S., dan Roffman, R. A. (2006). *Addiction*, 101, 1589-1597.
- Luck, P.A., Elifson, K. W., dan Sterk, C. E. (2004). *Female drug users and the welfare system : A qualitative exploration*. *Drugs : Education, Prevention and Policy*, 11 (2), h. 113-128.
- Mahmood, N.M., Md. Shuaib, C.D., Lasimon, M., Muhamad Dzahir, K., dan Rusli, A. (1999). *Penagihan Dadah dan Recidivisme : Aspek-aspek Psikososial dan Persekitaran*. Sintok : UUM.
- Maznah, I., Choo, P.F., dan Hoo, S.K. (1992). *Pendekatan dan Strategi Pendidikan Pencegahan Salahgunaan Dadah* (Jilid8, 1986).
- Mohamad Johdi Salleh (2012, April). *Permasalahan Penagihan Dadah : Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. Paper presented at International Seminar on Community Development- APKO 2012, Kuala Lumpur, Hotel Primer by Faculty of Social Development, Universiti Malaysia Terengganu.
- Neuman, W. L. (2011). *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative*

Approaches (7th ed.). Boston : Pearson.

Payne, M. (1991). *Modern Social Work Theory: A Critical Introduction*. London: Macmillan.

Philipchalk, R. P. (1995). *Invitation to Social Psychology*. USA : Harcourt Brace College Publishers.

Raniseski, J.M. dan Sigelman, C.J. (1992). Conformity, peer pressure and adolescent receptivity to treatment for substance abuse : A research note. *Journal of Drug Education*, 22 (3), 185-197.

Scozelli, J. (1987). *Drugs Abuse : Preventions and Rehabilitations in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selnow, G.W. (1987). Parent-child relationship and single and two parent families : Implications for substance abuse. *Journal of Drug Education*, 17 (4).

Sun, A. P. (2007). Relapse among substance-abusing women : Components and processes. *Substance Use and Misuse*, 42, 1-21.

Watts. W. D., Cox, L. S., Garrison, J., Herkimer, A., dan Howze, H. H. (1991). *Journal of Drug Education*, 21 (1), 43-64.

Profil Penulis :

Nurhazlina Mohd Ariffin, PhD

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nhazlina@uum.edu.my

Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
zeyati@uum.edu.my

Mohammad Rahim Kamaluddin, PhD

Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my